



31 Mei 2024  
31 May 2024  
P.U. (A) 147

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJAAN (KERJA PEMBINAAN)  
(REKA BENTUK DAN PENGURUSAN) 2024

*OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH  
(CONSTRUCTION WORK) (DESIGN AND MANAGEMENT)  
REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
(KERJA PEMBINAAN) (REKA BENTUK DAN PENGURUSAN) 2024

---

SUSUNAN PERATURAN

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

KEWAJIPAN KLIEN

4. Kewajipan klien berhubung dengan pengurusan projek
5. Maklumat prapembinaan dan pelan fasa pembinaan
6. Pematuhan dengan keselamatan dan kesihatan
7. Pelantikan pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan dan kontraktor prinsipal kerja pembinaan
8. Pemberitahuan
9. Pemakaian bagi klien domestik

### BAHAGIAN III

#### KEWAJIPAN DAN PERANAN BERHUBUNG DENGAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN

##### Peraturan

10. Kewajipan am
11. Kewajipan pereka bentuk kerja pembinaan
12. Kewajipan pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan semasa fasa prapembinaan
13. Pelan fasa pembinaan
14. Fail keselamatan dan kesihatan
15. Kewajipan kontraktor prinsipal kerja pembinaan semasa fasa pembinaan
16. Kewajipan kontraktor prinsipal kerja pembinaan untuk membabitkan diri bersama pekerja
17. Kewajipan kontraktor kerja pembinaan

### BAHAGIAN IV

#### KEPERLUAN AM BAGI SEMUA TAPAK PEMBINAAN

18. Pemakaian Bahagian IV
19. Tempat kerja pembinaan yang selamat
20. Aturan dan sekuriti tapak yang baik
21. Kestabilan struktur
22. Perobohan atau perombakan
23. Bahan letupan
24. Pengorekan
25. Empangan kekotak dan kaison
26. Laporan pemeriksaan
27. Pemasangan pengagihan tenaga
28. Pencegahan lemas
29. Laluan trafik

Peraturan

30. Kenderaan
31. Pencegahan risiko daripada kebakaran, banjir atau pengasfiksiaan
32. Tatacara kecemasan
33. Laluan kecemasan dan laluan keluar
34. Pengesanan kebakaran dan pemadam api
35. Udara segar
36. Perlindungan suhu dan cuaca
37. Pencahayaan

BAHAGIAN V  
PELBAGAI

38. Pembantu keselamatan dan kesihatan
39. Penyelia keselamatan tapak

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
(KERJA PEMBINAAN) (REKA BENTUK DAN PENGURUSAN) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 66 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Act 514*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2024.

**Pemakaian**

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua tempat kerja yang suatu projek dijalankan.

**Tafsiran**

3. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“fail keselamatan dan kesihatan” ertinya suatu fail yang mengandungi maklumat yang berhubungan dengan suatu projek sebagaimana yang dinyatakan di bawah peraturan 14;

“fasa pembinaan” ertinya tempoh masa apabila suatu kerja pembinaan bagi suatu projek bermula sehingga kerja pembinaan bagi projek itu selesai;

“fasa prapembinaan” ertinya mana-mana tempoh semasa apa-apa reka bentuk atau kerja persediaan bagi suatu projek itu sedang dijalankan, termasuklah semasa fasa pembinaan;

“kaison” ertinya suatu struktur yang dibenamkan melalui tanah atau air bagi maksud pengorekan dan meletakkan suatu kerja pada kedalaman yang ditentukan dan yang kemudiannya menjadi bahagian yang integral bagi kerja kekal itu;

“kenderaan” termasuklah apa-apa loji mudah alih yang dijadikan tersedia oleh kontraktor kerja pembinaan di tempat kerja;

“kerja pembinaan” ertinya pembinaan apa-apa bangunan, kerja kejuruteraan awam atau kerja kejuruteraan dan termasuklah—

- (a) pembinaan, perubahan, penukaran, pemasangan, pentauliahan, pengubahsuaian, pembaikpulihan, penjagaan, penghiasan atau penyenggaraan termasuk pembersihan yang melibatkan penggunaan air atau pelelas pada tekanan tinggi, atau penggunaan bahan pengakis atau toksik, penyahtauliahan, perobohan atau perombakan, suatu struktur;
- (b) penyediaan bagi suatu struktur yang dirancang, termasuklah pembersihan, penerokaan, penyiasatan dan pengorekan tapak, dan pembersihan atau penyediaan tapak atau struktur untuk diguna atau dihuni setelah siap;
- (c) pemasangan elemen pasang siap di tapak untuk membentuk suatu struktur atau penanggalan elemen pasang siap di tapak yang sejurus sebelum penanggalan tersebut, membentuk suatu struktur;
- (d) pengalihan suatu struktur, atau apa-apa produk atau sisa akibat daripada apa-apa perobohan atau penanggalan suatu struktur, atau daripada penanggalan elemen pasang siap yang sejurus sebelum penanggalan tersebut, membentuk suatu struktur;

- (e) pemasangan, pentauliahan, penyenggaraan, pembaikpulihan atau pengalihan mekanikal, elektrik, gas, udara termampat, hidraulik, telekomunikasi, komputer atau perkhidmatan seumpamanya yang biasanya kekal di dalam atau pada suatu struktur,

tetapi tidak termasuk penerokaan, atau pengekstrakan, sumber mineral, atau aktiviti persediaan yang dijalankan di suatu tempat yang suatu penerokaan atau pengekstrakan itu dijalankan;

“klien” ertinya mana-mana prinsipal atau mana-mana orang yang baginya suatu projek dijalankan;

“klien domestik” ertinya seorang klien yang baginya suatu projek sedang dibina atau dijalankan, yang projek tersebut bukan dalam perjalanan atau pengembangan suatu perniagaan klien itu;

“kontraktor kerja pembinaan” ertinya mana-mana orang, yang dalam perjalanan atau pengembangan suatu perniagaan, membina, menjalankan, mengurus atau mengawal kerja pembinaan, tetapi tidak termasuk klien domestik;

“kontraktor prinsipal kerja pembinaan” ertinya mana-mana kontraktor kerja pembinaan yang dilantik oleh klien di bawah perenggan 7(1)(b);

“laluhan trafik” ertinya mana-mana laluhan bagi trafik pejalan kaki atau bagi kenderaan dan termasuklah apa-apa pintu, jalan keluar, ruang atau tanjakan punggung;

“maklumat prapembinaan” ertinya apa-apa maklumat dalam milikan klien atau yang munasabah boleh didapati oleh atau bagi pihak klien, yang relevan dengan kerja pembinaan dan pada tahap perincian yang wajar serta berkadar dengan risiko yang terlibat, termasuklah—

- (a) apa-apa maklumat tentang projek, perancangan dan pengurusan projek dan bahaya keselamatan dan kesihatan, termasuklah apa-apa bahaya reka

bentuk dan pembinaan dan bagaimana bahaya itu akan ditangani; dan

- (b) apa-apa maklumat yang tersedia dalam mana-mana fail keselamatan dan kesihatan yang sedia ada;

“orang ditetapkan” ertinya mana-mana orang atau pekerja yang telah menyelesaikan kursus latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan mempunyai latihan dan pengalaman yang mencukupi atau pengetahuan berhubungan dengan kerja itu sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 31A Akta;

“pelan fasa pembinaan” ertinya pelan keselamatan dan kesihatan sebagaimana yang dinyatakan mengikut peraturan 13 atau 17;

“pengorekan” termasuklah apa-apa kerja tanah, parit, telaga, syaf, terowong atau kerja bawah tanah;

“pereka bentuk kerja pembinaan” ertinya mana-mana orang yang dalam perjalanan atau pengembangan suatu perniagaan—

- (a) menyedia atau mengubah suai suatu reka bentuk; atau
- (b) mengatur, atau mengarah, mana-mana orang di bawah kawalan mereka untuk menyedia atau mengubah suai suatu reka bentuk,

yang berhubungan dengan suatu bangunan, struktur, produk atau sistem mekanikal atau elektrik yang dihasratkan bagi suatu struktur tertentu;

“pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan” ertinya mana-mana pereka bentuk kerja pembinaan yang dilantik oleh klien di bawah perenggan 7(1)(a);

“prinsip am pencegahan” ertinya prinsip pencegahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;



“projek” ertinya apa-apa projek yang termasuk atau dihasratkan untuk termasuk suatu kerja pembinaan dan termasuklah semua perancangan, reka bentuk, pengurusan atau kerja lain yang terlibat dalam suatu projek sehingga selesai fasa pembinaan itu;

“reka bentuk” ertinya apa-apa lukisan dan perinciannya dan termasuklah apa-apa spesifikasi dan senarai kuantiti, termasuklah spesifikasi bagi apa-apa loji atau bahan, yang berhubungan dengan suatu struktur, dan apa-apa pengiraan yang disediakan bagi maksud reka bentuk itu;

“struktur “ ertinya—

- (a) apa-apa bangunan, kayu, batu, logam atau konkrit bertetulang, landasan kereta api atau sisian, landasan tram, limbungan, pelabuhan, navigasi pedalaman, terowong, syaf, jambatan, jejambat, kerja-kerja air, takungan, paip atau talian paip, kabel, akueduk, pembedung, kerja pembedungan, gasometer, jalan raya, lapangan udara, kerja pertahanan laut, kerja berkaitan sungai, kerja saluran, kerja tanah, lagun, empangan, tembok, kaisan, tiang mercu, menara, pilon, tangki bawah tanah, struktur tembok penahan atau struktur yang direka bentuk untuk memelihara atau mengubah apa-apa ciri semula jadi dan loji kekal, atau apa-apa struktur yang sama atau serupa;
- (b) apa-apa acuan, penyangga, perancah atau struktur lain yang direka atau digunakan untuk menyediakan sokongan atau jalan masuk semasa kerja pembinaan, dan apa-apa rujukan bagi suatu struktur termasuklah sebahagian daripada suatu struktur;

“tapak pembinaan” ertinya mana-mana tempat yang kerja pembinaan bagi suatu projek sedang dijalankan atau tempat yang pekerja mempunyai akses, tetapi tidak termasuk mana-mana tempat kerja di dalam tapak yang ditetapkan bagi maksud selain kerja pembinaan;

“tempat kerja pembinaan” ertinya mana-mana tempat yang digunakan oleh mana-mana orang semasa bekerja bagi maksud kerja pembinaan atau bagi apa-apa aktiviti yang berbangkit daripada atau yang berkaitan dengan kerja pembinaan.

(2) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini—

- (a) apa-apa rujukan kepada seorang pekerja hendaklah termasuk seorang pekerja dan orang yang bekerja sendiri; dan
- (b) apa-apa rujukan kepada suatu pelan, aturan, dokumen, laporan atau salinan hendaklah termasuklah suatu salinan atau versi elektronik yang—
  - (i) boleh diperoleh semula atau dihasilkan semula apabila perlu; dan
  - (ii) terpelihara daripada kehilangan atau campur tangan tanpa keizinan.

## BAHAGIAN II KEWAJIPAN KLIEN

### **Kewajipan klien berhubung dengan pengurusan projek**

4. (1) Seorang klien hendaklah menyediakan perkiraan yang berikut bagi pengurusan suatu projek:

- (a) peruntukan masa, dana dan sumber lain yang mencukupi;
- (b) kerja pembinaan yang boleh dijalankan, setakat yang boleh dipraktikkan, tanpa apa-apa risiko kepada keselamatan dan kesihatan mana-mana orang yang terkesan oleh projek itu; dan
- (c) kemudahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua

diadakan berkenaan dengan mana-mana orang yang melaksanakan kerja pembinaan itu.

(2) Seorang klien hendaklah memastikan perkiraan yang dinyatakan di bawah subperaturan (1) disenggara dan dikaji semula sepanjang pelaksanaan projek itu.

(3) Mana-mana klien yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Maklumat prapembinaan dan pelan fasa pembinaan**

5. (1) Seorang klien hendaklah menyediakan maklumat prapembinaan secepat yang boleh dipraktikkan kepada tiap-tiap pereka bentuk kerja pembinaan dan kontraktor kerja pembinaan, yang dilantik atau yang sedang dipertimbangkan untuk dilantik, bagi projek itu.

(2) Seorang klien hendaklah memastikan bahawa—

(a) sebelum fasa pembinaan bermula, suatu pelan fasa pembinaan sebagaimana yang dinyatakan di bawah peraturan 13 dirangka oleh kontraktor kerja pembinaan, jika terdapat hanya seorang kontraktor kerja pembinaan, atau oleh kontraktor prinsipal kerja pembinaan; dan

(b) pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan menyediakan fail keselamatan dan kesihatan bagi projek, yang—

(i) mematuhi kehendak sebagaimana yang dinyatakan di bawah perenggan 14(1)(a);

(ii) dikaji semula dengan wajar untuk memasukkan apa-apa maklumat baharu yang relevan; dan

- (iii) disimpan tersedia untuk pemeriksaan oleh mana-mana orang yang mungkin memerlukan fail itu untuk mematuhi apa-apa kehendak undang-undang yang relevan.

(3) Mana-mana klien yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Pematuhan dengan keselamatan dan kesihatan**

6. (1) Seorang klien hendaklah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan bahawa—

- (a) pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan mematuhi apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang dinyatakan di bawah peraturan 12 hingga 14; dan
- (b) kontraktor prinsipal kerja pembinaan mematuhi mana-mana kewajipan lain sebagaimana yang dinyatakan di bawah peraturan 13 hingga 16.

(2) Jika seorang klien melepaskan kepentingannya bagi suatu struktur, klien itu hendaklah disifatkan telah mematuhi kewajipan dalam subperenggan (5)(2)(b)(iii) dengan menyediakan fail keselamatan dan kesihatan kepada orang yang mengambil alih kepentingan klien dalam struktur itu dan memastikan bahawa orang itu mengetahui sifat dan tujuan fail itu.

(3) Mana-mana klien yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Pelantikan pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan dan kontraktor prinsipal kerja pembinaan**

7. (1) Sekiranya terdapat lebih daripada seorang kontraktor kerja pembinaan, atau jika boleh dijangka dengan sewajarnya bahawa lebih daripada satu kontraktor kerja pembinaan akan menjalankan suatu projek pada bila-bila masa, klien hendaklah melantik secara bertulis—

(a) pereka bentuk kerja pembinaan dengan kawalan ke atas fasa prapembinaan sebagai pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan; dan

(b) kontraktor kerja pembinaan sebagai kontraktor prinsipal kerja pembinaan.

(2) Pelantikan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat secepat yang boleh dipraktikkan sebelum fasa pembinaan bermula.

(3) Sekiranya klien gagal melantik—

(a) pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan di bawah perenggan (1)(a), klien itu hendaklah disifatkan menjadi pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan dan hendaklah melaksanakan kewajipan sebagai pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan sebagaimana yang dinyatakan di bawah peraturan 12 dan 13; dan

(b) kontraktor prinsipal kerja pembinaan di bawah perenggan (1)(b), klien hendaklah melaksanakan kewajipan sebagai kontraktor prinsipal kerja pembinaan sebagaimana yang dinyatakan di bawah peraturan 13 hingga 16.

(4) Mana-mana klien yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Pemberitahuan**

8. (1) Sekiranya kerja pembinaan di tapak pembinaan dijadualkan berjalan lebih daripada tiga puluh hari bekerja atau melebihi lima ratus hari orang bekerja, klien hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis dengan secepat yang boleh dipraktikkan sebelum fasa pembinaan bermula.

(2) Pemberitahuan di bawah subperaturan (1) hendaklah mengandungi butiran sebagaimana yang dinyatakan di bawah Jadual Ketiga, dan butiran itu hendaklah dipamerkan dengan jelas di tapak pembinaan dalam bentuk yang mudah difahami yang boleh dibaca oleh pekerja yang terlibat dalam kerja pembinaan itu, jika perlu, dan hendaklah dikemas kini secara berkala.

(3) Mana-mana klien yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(4) Bagi maksud peraturan ini—

(a) “hari orang bekerja” ertinya mana-mana hari atau sebahagian daripada hari itu apabila seseorang dijangka melaksanakan kerja pembinaan, sama ada dia melaksanakan apa-apa kerja fizikal di tapak pembinaan itu atau tidak;

(b) “hari bekerja” ertinya mana-mana hari yang kerja pembinaan dijalankan.

**Pemakaian bagi klien domestik**

9. (1) Sekiranya klien itu merupakan klien domestik, kewajipan yang dikehendaki di bawah peraturan 4, 5, 6 dan 8 hendaklah dijalankan oleh—

(a) kontraktor kerja pembinaan bagi suatu projek yang hanya ada satu kontraktor kerja pembinaan;

- (b) kontraktor prinsipal kerja pembinaan bagi suatu projek yang terdapat lebih daripada satu kontraktor kerja pembinaan; atau
- (c) pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan yang terdapat suatu perjanjian bertulis bahawa pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan itu akan melaksanakan kewajipan itu.

(2) Jika klien domestik gagal membuat pelantikan sebagaimana yang dikehendaki di bawah peraturan 7—

- (a) pereka bentuk kerja pembinaan yang mengawal fasa prapembinaan projek akan menjadi pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan itu; dan
- (b) kontraktor kerja pembinaan yang mengawal fasa pembinaan projek akan menjadi kontraktor prinsipal kerja pembinaan itu.

(3) Subperaturan 7(3) tidak terpakai bagi klien domestik.

### BAHAGIAN III

#### KEWAJIPAN DAN PERANAN BERHUBUNG DENGAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN

##### **Kewajipan am**

10. (1) Mana-mana pereka bentuk kerja pembinaan atau kontraktor kerja pembinaan, yang dilantik untuk menjalankan suatu projek hendaklah mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman, dan jika mereka sebuah organisasi, keupayaan organisasi yang perlu untuk memenuhi peranan yang baginya mereka dilantik untuk menjalankan, dengan cara yang menjamin keselamatan dan kesihatan mana-mana orang yang terlibat atau terkesan oleh projek itu.

(2) Seorang pereka bentuk kerja pembinaan atau kontraktor kerja pembinaan tidak boleh menerima apa-apa lantikan bagi suatu projek melainkan jika mereka memenuhi syarat sebagaimana yang dinyatakan di bawah subperaturan (1).

(3) Mana-mana orang yang bertanggungjawab untuk melantik pereka bentuk kerja pembinaan atau kontraktor kerja pembinaan untuk menjalankan kerja suatu projek hendaklah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memuaskan hati mereka bahawa pereka bentuk kerja pembinaan atau kontraktor kerja pembinaan itu memenuhi syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (1).

(4) Mana-mana orang yang mempunyai kewajipan atau fungsi di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah bekerjasama dengan mana-mana orang lain yang mengusahakan atau berhubung dengan suatu projek, di tapak pembinaan yang sama atau bersebelahan, setakat yang perlu untuk membolehkan mana-mana orang yang mempunyai mana-mana kewajipan atau fungsi memenuhi kewajipan atau fungsi itu.

(5) Mana-mana orang yang menjalankan suatu projek di bawah kawalan orang lain hendaklah melaporkan kepada orang itu apa-apa yang mereka tahu berhubung dengan projek itu yang berkemungkinan boleh membahayakan keselamatan atau kesihatan mereka sendiri atau orang lain.

(6) Mana-mana orang yang dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini untuk menyediakan apa-apa maklumat atau arahan hendaklah memastikan maklumat atau arahan itu lengkap dan boleh disediakan secepat yang boleh dipraktikkan.

(7) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Kewajipan pereka bentuk kerja pembinaan**

11. (1) Seseorang pereka bentuk kerja pembinaan tidak boleh memulakan apa-apa kerja berhubung dengan suatu projek melainkan dia berpuas hati bahawa klien mengetahui kewajipan yang ditanggung olehnya di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Semasa menyediakan atau mengubah suai suatu reka bentuk, seorang pereka bentuk kerja pembinaan hendaklah mengambil kira prinsip am pencegahan dan apa-apa maklumat prapembinaan untuk menghapuskan, setakat yang boleh



dipraktikkan, apa-apa risiko kepada keselamatan atau kesihatan mana-mana orang yang—

- (a) melaksanakan atau berkemungkinan terkesan oleh mana-mana kerja pembinaan;
- (b) menyenggara atau membersihkan suatu struktur; atau
- (c) menggunakan suatu struktur yang direka bentuk sebagai tempat kerja selain tapak pembinaan.

(3) Sekiranya berlaku kemungkinan tidak dapat menghapuskan risiko yang disebut di bawah subperaturan (2), pereka bentuk kerja pembinaan itu hendaklah, setakat yang boleh dipraktikkan—

- (a) mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan atau, jika ia tidak mungkin, mengawal risiko tersebut melalui proses reka bentuk yang berikutnya;
- (b) mengemukakan maklumat mengenai risiko itu kepada pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan itu; dan
- (c) memastikan maklumat yang wajar dimasukkan dalam fail keselamatan dan kesihatan.

(4) Pereka bentuk kerja pembinaan hendaklah mengambil semua langkah-langkah yang munasabah—

- (a) untuk menyediakan, berserta dengan reka bentuk, maklumat yang mencukupi mengenai reka bentuk, pembinaan atau penyenggaraan struktur itu; dan

- (b) untuk secukupnya membantu klien, pereka bentuk kerja pembinaan dan kontraktor kerja pembinaan yang lain untuk mematuhi kewajipan yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(5) Mana-mana pereka bentuk kerja pembinaan yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Kewajipan pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan semasa fasa prapembinaan**

12. (1) Pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan hendaklah merancang, mengurus dan memantau fasa prapembinaan dan menyelaras hal ehwal yang berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan semasa fasa prapembinaan untuk memastikan, setakat yang boleh dipraktikkan, projek itu dapat dijalankan tanpa apa-apa risiko kepada keselamatan atau kesihatan.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), seorang pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan—

- (a) hendaklah mengambil kira prinsip am pencegahan dan, sekiranya relevan, kandungan mana-mana fasa pelan pembinaan dan mana-mana fail keselamatan dan kesihatan, dan khususnya apabila—
- (i) memutuskan mengenai aspek reka bentuk, teknikal dan organisasi untuk merancang pelbagai butiran atau peringkat kerja yang berlaku secara serentak atau berturut-turut; dan
  - (ii) memutuskan mengenai anggaran tempoh masa yang diperlukan untuk menyiapkan kerja atau peringkat kerja itu;

- (b) hendaklah mengenal pasti dan menghapuskan atau mengawal, setakat yang boleh dipraktikkan, apa-apa risiko keselamatan atau kesihatan yang dapat dijangka kepada mana-mana orang yang—
- (i) melaksanakan atau berkemungkinan terkesan oleh mana-mana kerja pembinaan;
  - (ii) menyenggara atau membersihkan suatu struktur; atau
  - (iii) menggunakan suatu struktur yang direka bentuk sebagai tempat kerja selain tapak pembinaan; dan
- (c) hendaklah memastikan semua pereka bentuk kerja pembinaan mematuhi kewajipan mereka sebagaimana yang dinyatakan di bawah peraturan 11;
- (d) hendaklah memastikan bahawa semua orang yang bekerja semasa fasa prapembinaan bekerjasama dengan klien, pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan dan antara satu sama lain;
- (e) hendaklah membantu klien dalam menyediakan maklumat prapembinaan sebagaimana yang diperlukan di bawah subperaturan 5(1);
- (f) selagi dalam kawalan pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan, hendaklah menyediakan maklumat prapembinaan, dengan segera dan dalam bentuk yang mudah, kepada setiap pereka bentuk kerja pembinaan dan kontraktor kerja pembinaan yang dilantik, atau dipertimbangkan untuk dilantik, bagi projek itu; dan
- (g) hendaklah berhubung dengan kontraktor prinsipal kerja pembinaan bagi tempoh lantikan pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan dan berkongsi dengan kontraktor prinsipal kerja

pembinaan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan perancangan, pengurusan dan pemantauan fasa pembinaan dan penyelarasan hal ehwal keselamatan dan kesihatan semasa fasa pembinaan.

(3) Mana-mana pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Pelan fasa pembinaan**

13. (1) Semasa fasa prapembinaan, dan sebelum penyediaan suatu tapak pembinaan, kontraktor prinsipal kerja pembinaan hendaklah merangka suatu pelan fasa pembinaan atau membuat perkiraan bagi membolehkan suatu pelan fasa pembinaan dirangka.

(2) Pelan fasa pembinaan yang dirujuk di bawah subperaturan (1), hendaklah menyatakan perkiraan keselamatan dan kesihatan dan aturan tapak dengan mengambil kira, sekiranya perlu, aktiviti industri yang berjalan di tapak pembinaan dan, sekiranya berkenaan, hendaklah termasuk langkah-langkah khusus berkenaan dengan kerja yang terkandung dalam satu atau lebih kategori sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(3) Pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan hendaklah membantu kontraktor prinsipal kerja pembinaan dalam mengadakan pelan fasa pembinaan dengan menyediakan kepada kontraktor prinsipal kerja pembinaan semua maklumat yang berada dalam kawalan dan pengetahuan pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan yang berkaitan dengan pelan fasa pembinaan termasuklah—

- (a) apa-apa maklumat prapembinaan yang didapati oleh pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan daripada klien; dan
- (b) apa-apa maklumat yang didapati oleh pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan daripada mana-mana pereka bentuk di bawah perenggan 11(3)(b).

(4) Kontraktor prinsipal kerja pembinaan hendaklah memastikan bahawa, sepanjang tempoh projek berjalan, pelan fasa pembinaan yang dirujuk di bawah subperaturan (1) dikaji semula, dikemas kini dan disemak sewajarnya supaya ia kekal mencukupi untuk memastikan kerja pembinaan itu dapat dijalankan, setakat yang boleh dipraktikkan, tanpa apa-apa risiko kepada keselamatan atau kesihatan.

(5) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(6) Bagi maksud peraturan ini, “aturan tapak” ertinya apa-apa aturan yang disediakan bagi suatu tapak bina tertentu dan diperlukan bagi tujuan keselamatan atau kesihatan.

#### **Fail keselamatan dan kesihatan**

14. (1) Semasa fasa prapembinaan, pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan—
- (a) hendaklah menyediakan suatu fail keselamatan dan kesihatan yang wajar dengan ciri projek yang mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan projek itu yang berkemungkinan diperlukan dalam mana-mana projek yang berikutnya untuk memastikan keselamatan dan kesihatan mana-mana orang; dan
  - (b) hendaklah memastikan bahawa fail keselamatan dan kesihatan itu dikaji semula, dikemas kini dan disemak sewajarnya dengan mengambil kira kerja dan apa-apa perubahan yang telah berlaku.
- (2) Semasa projek berjalan, kontraktor prinsipal kerja pembinaan hendaklah membekalkan kepada pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan apa-apa maklumat dalam milikannya yang berkaitan dengan fail keselamatan dan kesihatan dan maklumat itu hendaklah dimasukkan dalam fail keselamatan dan kesihatan itu.

(3) Jika pelantikan pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan tamat sebelum projek itu siap, pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan itu hendaklah menyerahkan fail keselamatan dan kesihatan itu kepada kontraktor prinsipal kerja pembinaan.

(4) Kontraktor prinsipal kerja pembinaan hendaklah berterusan mengkaji, mengemas kini dan menyemak fail keselamatan dan kesihatan yang diterima dalam subperaturan (3).

(5) Setelah selesai suatu projek itu, pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan atau sekiranya tiada pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan, kontraktor prinsipal kerja pembinaan, hendaklah menyerahkan fail keselamatan dan kesihatan itu kepada klien.

(6) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

#### **Kewajipan kontraktor prinsipal kerja pembinaan semasa fasa pembinaan**

15. (1) Seorang kontraktor prinsipal kerja pembinaan hendaklah merancang, mengurus dan memantau fasa pembinaan dan menyelaras hal ehwal yang berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan semasa fasa pembinaan untuk memastikan, setakat yang boleh dipraktikkan, kerja pembinaan dijalankan tanpa apa-apa risiko kepada keselamatan dan kesihatan.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), seorang kontraktor prinsipal kerja pembinaan—

(a) hendaklah mengambil kira prinsip am pencengahan, dan khususnya apabila—

(i) memutuskan mengenai aspek reka bentuk, teknikal dan organisasi untuk merancang pelbagai butiran atau peringkat kerja yang berlaku secara serentak atau berturut-turut; dan

- (ii) memutuskan mengenai anggaran tempoh masa yang diperlukan untuk menyiapkan kerja atau peringkat kerja tersebut;
- (b) hendaklah menganjurkan kerjasama antara kontraktor kerja pembinaan, termasuk kontraktor kerja pembinaan yang seterusnya di tapak pembinaan yang sama;
- (c) hendaklah menyelaras pematuhan kontraktor kerja pembinaan dengan kehendak undang-undang bagi keselamatan dan kesihatan;
- (d) hendaklah memastikan bahawa majikan, dan bagi perlindungan mana-mana pekerja dan orang yang bekerja sendiri—
  - (i) mengikut dan mematuhi prinsip am pencegahan dan peruntukan di bawah Bahagian IV; dan
  - (ii) sekiranya diperlukan, mematuhi pelan fasa pembinaan;
- (e) hendaklah memastikan bahawa—
  - (i) induksi tapak yang sesuai diadakan;
  - (ii) langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencegah apa-apa akses oleh orang yang tidak dibenarkan ke tapak pembinaan; dan
  - (iii) sepanjang fasa pembinaan, kemudahan yang disediakan mematuhi kehendak sebagaimana yang dinyatakan di bawah Jadual Kedua disediakan; dan
- (f) hendaklah bekerjasama dengan pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan dan berkongsi dengan pereka bentuk prinsipal kerja

pembinaan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan perancangan, pengurusan dan pemantauan fasa prapembinaan dan penyelarasan hal ehwal keselamatan dan kesihatan semasa fasa pembinaan.

(3) Mana-mana kontraktor prinsipal kerja pembinaan yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Kewajipan kontraktor prinsipal kerja pembinaan untuk membabitkan diri bersama pekerja**

16. (1) Kontraktor prinsipal kerja pembinaan hendaklah—

- (a) membuat dan mengekalkan apa-apa perkiraan yang membolehkan kontraktor prinsipal kerja pembinaan dan pekerja yang terlibat dalam sesuatu kerja pembinaan untuk bekerjasama dalam membangunkan, menggalakkan dan menyemak keberkesanan langkah-langkah untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja;
- (b) berunding dengan pekerja atau wakil mereka berhubung dengan hal ehwal yang berkaitan dengan projek yang mungkin menjejaskan keselamatan, kesihatan atau kebajikan pekerja, setakat yang mereka atau wakil mereka belum dirujuk oleh majikan mereka; dan
- (c) memastikan bahawa pekerja atau wakil mereka boleh memeriksa dan mengambil salinan apa-apa maklumat berhubung dengan projek yang berada di dalam pemilikan atau pengetahuan kontraktor prinsipal kerja pembinaan, atau yang dikehendaki untuk disediakan oleh Peraturan-Peraturan ini oleh kontraktor prinsipal kerja pembinaan, yang berkait dengan keselamatan, kesihatan atau kebajikan pekerja di tapak pembinaan, melainkan apa-apa maklumat—



- (i) yang pendedahannya bertentangan dengan kepentingan sekuriti negara; dan
- (ii) berkait khususnya dengan individu, melainkan individu tersebut memberikan kebenaran ke atas pendedahan maklumat tersebut.

(2) Mana-mana kontraktor prinsipal kerja pembinaan yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Kewajipan kontraktor kerja pembinaan**

17. (1) Kontraktor kerja pembinaan—

- (a) tidak boleh melaksanakan apa-apa kerja pembinaan berhubung dengan sebuah projek melainkan dia berpuas hati bahawa klien mengetahui mengenai kewajipannya sebagai klien sebagaimana yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan ini;
- (b) hendaklah merancang, menguruskan dan memantau kerja pembinaan yang dijalankan sama ada oleh kontraktor kerja pembinaan atau oleh mana-mana pekerja di bawah kawalan kontraktor kerja pembinaan, untuk memastikan, setakat yang boleh dipraktikkan, dijalankan tanpa apa-apa risiko kepada keselamatan atau kesihatan;
- (c) sekiranya terdapat lebih daripada satu kontraktor kerja pembinaan bekerja dalam suatu projek, hendaklah mematuhi—
  - (i) apa-apa arahan yang diberikan oleh pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan atau kontraktor prinsipal kerja pembinaan; dan

- (ii) bahagian pelan fasa pembinaan yang berkaitan dengan kerja kontraktor kerja pembinaan bagi projek tersebut;
- (d) jika terdapat hanya satu kontraktor kerja pembinaan yang mengusahakan projek—
- (i) hendaklah mengambil kira prinsip am pencegahan semasa—
    - (A) memutuskan mengenai aspek reka bentuk, teknikal dan organisasi untuk merancang pelbagai item atau peringkat kerja yang berlaku secara serentak atau berturut-turut; dan
    - (B) memutuskan mengenai anggaran tempoh masa yang diperlukan untuk menyiapkan kerja atau peringkat kerja tersebut; dan
  - (ii) hendaklah merangka suatu pelan fasa pembinaan mengikut peraturan 13, atau membuat perkiraan bagi suatu pelan fasa pembinaan untuk dirangka, setakat yang boleh dipraktikkan, sebelum penyediaan suatu tapak pembinaan;
- (e) tidak boleh mengambil, menggaji atau melantik mana-mana orang untuk bekerja di tapak pembinaan melainkan orang itu mempunyai, atau dalam proses mendapatkan skil, pengetahuan, latihan dan pengalaman yang perlu untuk menjalankan tugas yang diperuntukkan kepada orang itu dengan cara yang menjamin keselamatan atau kesihatan mana-mana orang yang bekerja di tapak pembinaan;

- (f) hendaklah menyediakan kepada setiap pekerja di bawah kawalannya dengan penyeliaan, arahan dan maklumat yang sewajarnya supaya kerja pembinaan itu dapat dijalankan, setakat yang boleh dipraktikkan, tanpa apa-apa risiko kepada keselamatan dan kesihatan;
- (g) tidak boleh memulakan apa-apa kerja di tapak pembinaan melainkan langkah-langkah yang munasabah telah diambil untuk mencegah apa-apa akses oleh orang yang tidak dibenarkan ke dalam tapak tersebut; dan
- (h) hendaklah memastikan, setakat yang boleh dipraktikkan, bahawa keperluan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Jadual Kedua dipatuhi setakat yang menjejaskan kontraktor kerja pembinaan atau mana-mana pekerja di bawah kawalan kontraktor kerja pembinaan.

(2) Maklumat yang disediakan di bawah perenggan (1)(f) hendaklah merangkumi—

- (a) suatu induksi tapak yang sesuai, yang belum disediakan oleh kontraktor prinsipal kerja pembinaan;
- (b) tatacara yang perlu diikuti sekiranya berlaku bahaya terdekat atau bahaya yang hampir benar kepada keselamatan dan kesihatan; dan
- (c) apa-apa maklumat mengenai risiko kepada keselamatan dan kesihatan—

  - (i) sebagaimana yang dikenal pasti oleh penaksiran risiko yang diperlukan di bawah Akta;

- (ii) berbangkit daripada penjalanan pengusahaan kontraktor kerja pembinaan yang lain dan yang kontraktor kerja pembinaan itu mempunyai kawalan ke atas pekerja itu sepatutnya tahu dengan munasabah; atau
- (iii) apa-apa maklumat lain yang perlu untuk membolehkan pekerja itu mematuhi peruntukan statut yang berkaitan.

(3) Mana-mana kontraktor kerja pembinaan yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

#### BAHAGIAN IV

#### KEPERLUAN AM BAGI SEMUA TAPAK PEMBINAAN

##### **Pemakaian Bahagian IV**

18. (1) Bahagian ini hendaklah terpakai bagi tapak pembinaan.

(2) Kontraktor kerja pembinaan yang menjalankan kerja pembinaan hendaklah mematuhi keperluan Bahagian ini setakat yang mempunyai kesan ke atas kontraktor kerja pembinaan atau mana-mana pekerja di bawah kawalannya atau yang berkaitan dengan hal perkara yang berada dalam kawalan kontraktor kerja pembinaan.

(3) Seorang klien domestik yang mengawal cara penjalanan suatu kerja pembinaan oleh orang sedang bekerja hendaklah mematuhi keperluan Bahagian ini setakat yang berkenaan kepada hal perkara yang berada dalam kawalan klien.

##### **Tempat kerja pembinaan yang selamat**

19. (1) Seseorang kontraktor kerja pembinaan yang menjalankan apa-apa kerja pembinaan hendaklah mengadakan, setakat yang boleh dipraktikkan, akses dan jalan keluar yang selamat yang sesuai dan mencukupi dari—

- (a) tiap-tiap tapak pembinaan ke setiap tempat yang lain yang diperuntukkan bagi kegunaan mana-mana orang sedang bekerja, dan
- (b) tiap-tiap tempat kerja pembinaan yang sedang dijalankan ke setiap tempat yang lain dalam tapak pembinaan itu yang pekerja mempunyai akses.

(2) Suatu tapak pembinaan hendaklah, setakat yang boleh dipraktikkan, dijadikan dan dikekalkan agar selamat kepada, dan tanpa apa-apa risiko kepada kesihatan, mana-mana orang yang bekerja di situ.

(3) Semua bukaan lantai yang boleh mendedahkan mana-mana orang kepada risiko untuk jatuh hendaklah dihadang dengan sesuai dan secukupnya untuk mencegah mana-mana orang jatuh daripada mana-mana ketinggian.

(4) Tindakan hendaklah diambil untuk memastikan, setakat yang boleh dipraktikkan, bahawa tiada orang yang menggunakan mana-mana akses atau jalan keluar atau mendapat apa-apa akses kepada mana-mana tapak pembinaan yang tidak mematuhi keperluan sebagaimana yang dinyatakan di bawah subperaturan (1), (2) atau (3).

(5) Tapak pembinaan hendaklah, setakat yang boleh dipraktikkan, mempunyai ruang kerja yang mencukupi dan diatur supaya sesuai bagi mana-mana orang yang bekerja atau yang akan bekerja, di tapak pembinaan, dengan mengambil kira apa-apa loji yang perlu yang berkemungkinan digunakan di situ.

(6) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

#### **Aturan dan sekuriti tapak yang baik**

20. (1) Kontraktor tapak pembinaan hendaklah memastikan setiap bahagian tapak pembinaan, setakat yang boleh dipraktikkan, dikekalkan berada dalam kekemasan

yang baik dan bahagian yang kerja pembinaan sedang dijalankan hendaklah dikekalkan dalam keadaan bersih yang munasabah.

(2) Jika perlu bagi kepentingan keselamatan dan kesihatan, dan berpandukan tahap risiko yang timbul, kontraktor tapak pembinaan hendaklah memastikan, setakat yang boleh dipraktikkan, sekeliling tapak pembinaan dan takatnya—

(a) dapat dikenal pasti dengan apa-apa tanda yang sesuai; dan

(b) dipagari.

(3) Jika apa-apa paku atau objek tajam seumpamanya boleh menjadi punca bahaya kepada mana-mana orang, paku atau objek tajam seumpamanya itu, yang terunjur di atas mana-mana kayu atau benda lain tidak boleh digunakan dalam mana-mana kerja pembinaan atau tidak dibenarkan untuk kekal berada di mana-mana tempat dalam tapak pembinaan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Kestabilan struktur**

21. (1) Kontraktor kerja pembinaan hendaklah mengambil apa-apa langkah yang boleh dipraktikkan, sekiranya perlu—

(a) untuk mencegah apa-apa bahaya kepada mana-mana orang; dan

(b) untuk memastikan apa-apa struktur baharu atau sedia ada di tapak pembinaan stabil, dan struktur itu tidak akan terkesan atau berada dalam keadaan lemah atau tidak stabil yang sementara yang disebabkan oleh penjalanan apa-apa kerja pembinaan.

- (2) Apa-apa penyangga, sokongan sementara atau struktur sementara—
- (a) hendaklah direka bentuk dan dipasang dan disenggara untuk menahan apa-apa beban yang boleh dijangka yang mungkin dikenakan ke atasnya; dan
- (b) hendaklah digunakan bagi maksud ia direka bentuk dan dipasang dan disenggara.

(3) Suatu struktur hendaklah tidak dibebani sehingga menjadi tidak selamat kepada mana-mana orang.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Perobohan atau perombakan**

22. (1) Kontraktor kerja pembinaan hendaklah memastikan apa-apa perobohan atau perombakan suatu struktur dirancang dan dijalankan mengikut cara untuk mencegah bahaya atau, jika tidak boleh dipraktikkan untuk mencegahnya, untuk mengurangkan bahaya kepada takat paling rendah yang boleh dipraktikkan.

(2) Perkiraan untuk menjalankan perobohan atau perombakan itu hendaklah disimpan secara bertulis sebelum kerja perobohan atau perombakan itu bermula.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Bahan letupan**

23. (1) Kontraktor kerja pembinaan hendaklah, setakat yang boleh dipraktikkan, menyimpan, mengangkut dan menggunakan apa-apa bahan letupan dengan cara yang selamat dan terkawal.

(2) Peledak bahan letup hendaklah hanya digunakan atau dihidupkan di tapak pembinaan jika langkah-langkah yang sesuai dan mencukupi telah diambil untuk memastikan bahawa tiada orang yang terdedah kepada apa-apa risiko kecederaan daripada letupan itu atau daripada unjuran atau serpihan benda yang berterbangan kesan daripada letupan tersebut.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Pengorekan**

24. (1) Kontraktor kerja pembinaan hendaklah mengambil langkah-langkah yang boleh dipraktikkan untuk memastikan bahawa, termasuklah bagi pengadaan sokongan atau pengukuhan—

- (a) tiada pengorekan atau mana-mana bahagian pengorekan runtuh;
- (b) tiada benda yang membentuk tembok atau bumbung, atau yang bersebelahan dengannya, apa-apa pengorekan teranjak keluar atau jatuh;
- (c) tiada orang tertimbus atau terperangkap di dalam pengorekan oleh benda yang teranjak keluar atau jatuh;
- (d) tiada orang, loji, atau apa-apa pengumpulan benda jatuh ke dalam apa-apa pengorekan; dan



- (e) tiada bahagian pengorekan atau tanah bersebelahan dengannya dibebani oleh apa-apa loji atau benda.

(2) Jika apa-apa sokongan atau pengukuhan telah disediakan menurut subperaturan (1), kerja pembinaan hendaklah tidak dijalankan di dalam pengorekan melainkan—

- (a) pengorekan dan mana-mana loji dan benda yang mungkin menjejaskan keselamatannya telah diperiksa oleh orang yang ditetapkan—

- (i) pada permulaan syif bagi kerja yang akan dijalankan;

- (ii) selepas apa-apa kejadian yang berkemungkinan menjejaskan kekuatan atau kestabilan pengorekan itu; dan

- (iii) selepas apa-apa benda yang tidak sengaja jatuh atau teranjak keluar; dan

- (b) orang yang ditetapkan yang telah menjalankan pemeriksaan berpuas hati bahawa kerja pembinaan boleh dijalankan dengan selamat di situ.

(3) Jika orang yang ditetapkan menjalankan pemeriksaan di bawah subperaturan (2) memaklumkan orang yang bagi pihaknya pemeriksaan itu dijalankan mengenai apa-apa ketidakpuasan hati berhubung dengan perkara yang dinyatakan di bawah subperaturan (1), kerja pembinaan itu tidak boleh dijalankan di dalam pengorekan sehingga perkara itu telah diperbaiki dengan memuaskan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Empangan kekotak dan kaison**

25. (1) Empangan kekotak atau kaison—

- (a) hendaklah mempunyai reka bentuk dan pembinaan yang sesuai;
- (b) hendaklah dilengkapi sewajarnya supaya pekerja boleh mendapatkan perlindungan atau menyelamatkan diri jika air atau benda memasukinya; dan
- (c) hendaklah disenggara dengan betul.

(2) Empangan kekotak atau kaison tidak boleh digunakan untuk melaksanakan apa-apa kerja pembinaan melainkan—

- (a) empangan kekotak atau kaison itu dan apa-apa loji dan benda yang mungkin menjejaskan keselamatannya telah diperiksa oleh orang yang ditetapkan—
  - (i) pada permulaan syif bagi kerja yang akan dijalankan; dan
  - (ii) selepas apa-apa kejadian yang berkemungkinan menjejaskan kekuatan atau kestabilan empangan kekotak atau kaison itu; dan
- (b) orang yang ditetapkan yang menjalankan pemeriksaan berpuas hati bahawa kerja pembinaan itu boleh dijalankan dengan selamat di situ.

(3) Jika orang yang ditetapkan yang menjalankan pemeriksaan di bawah subperaturan (2) memaklumkan orang yang bagi pihaknya pemeriksaan itu dijalankan mengenai apa-apa ketidakpuasan hati berhubung dengan perkara yang dinyatakan di bawah subperaturan (1), kerja pembinaan itu tidak boleh dijalankan di dalam

empangan kekotak atau kaison sehingga perkara tersebut telah diperbaiki dengan memuaskan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Laporan pemeriksaan**

26. (1) Jika orang yang ditetapkan yang menjalankan pemeriksaan di bawah peraturan 24 dan 25, berpuas hati bahawa tiada kerja pembinaan boleh dijalankan dengan selamat di tempat yang telah diperiksa, orang yang ditetapkan itu hendaklah—

- (a) memaklumkan kepada orang yang bagi pihaknya pemeriksaan itu dijalankan, sebelum penghujung syif yang dalamnya pemeriksaan itu selesai dijalankan, mengenai perkara yang boleh menimbulkan risiko kepada keselamatan mana-mana orang;
- (b) menyediakan laporan, yang hendaklah mengandungi—
  - (i) nama dan alamat orang yang bagi pihaknya pemeriksaan itu dijalankan;
  - (ii) lokasi tempat kerja pembinaan itu diperiksa;
  - (iii) perihal tempat kerja pembinaan atau mana-mana bahagian tempat yang diperiksa, termasuklah apa-apa loji dan benda;
  - (iv) tarikh dan masa pemeriksaan;
  - (v) perincian mengenai apa-apa hal perkara yang dikenal pasti yang boleh menimbulkan risiko kepada keselamatan mana-mana orang;

- (vi) perincian mengenai apa-apa tindakan yang diambil akibat daripada apa-apa hal perkara yang dikenal pasti dalam subperenggan (v);
  - (vii) perincian mengenai apa-apa tindakan lanjut yang dianggap perlu; dan
  - (viii) nama dan jawatan orang yang ditetapkan yang membuat laporan; dan
- (c) menghantar laporan, atau satu salinannya, kepada orang yang bagi pihaknya pemeriksaan itu dijalankan dalam masa dua puluh empat jam setelah selesai pemeriksaan itu.

(2) Jika orang yang ditetapkan yang menjalankan kerja pemeriksaan di bawah kawalan orang lain, sama ada sebagai pekerja atau selainnya, orang yang mempunyai kawalan ke atas orang yang ditetapkan hendaklah memastikan orang yang ditetapkan yang menjalankan pemeriksaan itu mematuhi keperluan yang dinyatakan di bawah subperaturan (1).

- (3) Orang yang bagi pihaknya pemeriksaan tersebut dijalankan hendaklah—
- (a) menyimpan laporan atau salinannya agar tersedia untuk pemeriksaan oleh pegawai—
    - (i) di tapak pembinaan yang pemeriksaan itu dijalankan sehingga kerja pembinaan itu selesai; dan
    - (ii) bagi tempoh tiga bulan selepas kerja pembinaan itu selesai; dan
  - (b) menghantar kepada pegawai itu mana-mana ekstrak daripada atau salinan laporan itu sebagaimana yang diminta oleh pegawai itu.

(4) Walau apa pun subperaturan (1), jika pemeriksaan di bawah subperenggan 24(2)(a)(i) atau 25(2)(a)(i) dijalankan lebih daripada sekali dalam tempoh tujuh hari, orang yang ditetapkan hanya perlu menyediakan dan menyerahkan satu laporan bagi tempoh itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Pemasangan pengagihan tenaga**

27. (1) Jika perlu untuk mencegah apa-apa bahaya, pemasangan pengagihan tenaga hendaklah ditempatkan di lokasi yang sesuai di dalam tapak pembinaan dan hendaklah diperiksa secara berkala dan ditandakan dengan jelas.

(2) Jika terdapat suatu risiko kepada kerja pembinaan daripada apa-apa kabel kuasa elektrik talian atas, kontraktor kerja pembinaan hendaklah—

(a) menghalakan kabel kuasa elektrik itu jauh dari kawasan berisiko; atau

(b) mengasingkan dan membumikan kabel kuasa elektrik itu daripada kerja pembinaan, sekiranya perlu.

(3) Jika tidak boleh dipraktikkan untuk mematuhi perenggan (2)(a) atau (b), kontraktor kerja pembinaan hendaklah menyediakan notis amaran yang sesuai bersama dengan satu atau lebih daripada yang berikut—

(a) apa-apa pengadang yang sesuai untuk mengasingkan loji yang tidak diperlukan;

(b) apa-apa perlindungan tergantung di mana kenderaan perlu untuk lalu di bawah kabel itu; atau

(c) apa-apa langkah yang mengadakan takat keselamatan yang setara.

(4) Apa-apa kerja pembinaan, yang berkemungkinan mewujudkan apa-apa risiko kepada keselamatan dan kesihatan daripada perkhidmatan bawah tanah, atau daripada kerosakan atau gangguan perkhidmatannya, tidak boleh dijalankan melainkan langkah-langkah yang sesuai dan mencukupi, termasuklah apa-apa langkah yang dikehendaki oleh peraturan ini, telah diambil untuk mencegah risiko itu, setakat yang boleh dipraktikkan.

(5) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Pencegahan lemas**

28. (1) Jika dalam perjalanan suatu kerja pembinaan, seorang berisiko jatuh ke dalam air atau cecair lain dengan risiko lemas, kontraktor kerja pembinaan hendaklah memastikan langkah-langkah yang sesuai dan mencukupi telah diambil untuk—

(a) setakat yang boleh dipraktikkan, mencegah kemungkinan orang jatuh;

(b) meminimumkan risiko lemas sekiranya orang jatuh; dan

(c) memastikan kelengkapan penyelamat yang sesuai disediakan, disenggara dan, apabila perlu, digunakan supaya orang itu dapat segera diselamatkan sekiranya orang jatuh.

(2) Kontraktor kerja pembinaan hendaklah mengambil langkah-langkah yang sesuai dan mencukupi untuk memastikan pengangkutan selamat bagi mana-mana orang yang diangkut melalui jalan air ke atau dari tempat kerja pembinaan.

(3) Mana-mana vesel yang digunakan untuk mengangkut mana-mana orang melalui jalan air ke atau dari tempat kerja pembinaan tidak boleh penuh sesak atau lebih muatan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Laluan trafik**

29. (1) Kontraktor kerja pembinaan hendaklah memastikan suatu tapak pembinaan itu diatur dengan betul dan dengan cara yang tersusun, setakat yang boleh dipraktikkan, bagi membolehkan mana-mana orang atau kenderaan bergerak tanpa apa-apa risiko kepada keselamatan atau kesihatan.

(2) Suatu laluan trafik di tapak pembinaan—

(a) hendaklah sesuai bagi kegunaan mana-mana orang atau kenderaan;

(b) hendaklah mempunyai bilangan dan saiz yang mencukupi; dan

(c) hendaklah berada di kedudukan yang sesuai.

(3) Jika laluan trafik di tapak pembinaan tidak mematuhi kehendak sebagaimana yang dinyatakan di bawah subperaturan (2), kontraktor kerja pembinaan itu hendaklah mengambil langkah-langkah yang sesuai dan mencukupi untuk memastikan bahawa—

(a) mana-mana orang atau kenderaan boleh menggunakannya tanpa menyebabkan apa-apa bahaya kepada keselamatan atau kesihatan orang yang berdekatan;

- (b) mana-mana pintu atau pagar bagi mana-mana pejalan kaki yang menuju ke laluan trafik dipisahkan secukupnya dari laluan trafik itu untuk membolehkan pejalan kaki melihat apa-apa kenderaan atau loji dari tempat yang selamat;
  - (c) terdapat jarak pemisahan laluan trafik yang mencukupi di antara kenderaan dengan pejalan kaki untuk memastikan keselamatan atau, sekiranya ini tidak boleh dipraktikkan—

    - (i) cara perlindungan lain bagi pejalan kaki disediakan; dan
    - (ii) perkiraan yang efektif digunakan untuk memberikan amaran kepada mana-mana orang yang berkemungkinan dihimpit atau terperangkap oleh mana-mana kenderaan;
  - (d) ruang panggah hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu laluan keluar bagi kegunaan pejalan kaki; dan
  - (e) sekiranya tidak selamat untuk pejalan kaki menggunakan pagar yang dikhususkan untuk kenderaan, hendaklah diadakan sekurang-kurangnya satu pintu untuk pejalan kaki berdekatan dengan pagar itu, ditandakan dengan jelas dan dikekalkan bebas daripada apa-apa halangan.
- (4) Setiap laluan trafik—
- (a) hendaklah ditanda dengan tanda yang sesuai sekiranya perlu dan laluan tersebut hendaklah diperiksa secara berkala dan disenggara dengan betul; dan
  - (b) tidak boleh digunakan oleh mana-mana kenderaan kecuali, setakat yang boleh dipraktikkan, laluan itu bebas daripada apa-apa halangan dan mempunyai ruang yang mencukupi.



(5) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(6) Bagi maksud peraturan ini, “ruang punggah” ertinya mana-mana tempat atau apa-apa kemudahan untuk memuat dan memunggah apa-apa benda kerja pembinaan atau bahan buangan.

### **Kenderaan**

30. (1) Kontraktor kerja pembinaan hendaklah memastikan bahawa langkah-langkah yang sesuai dan mencukupi telah diambil untuk mencegah atau mengawal pergerakan yang tidak disengajakan mana-mana kenderaan.

(2) Pemandu atau operator kenderaan itu, atau mana-mana orang membantu pemandu atau operator hendaklah memberi amaran yang sesuai dan mencukupi kepada mana-mana orang di tapak pembinaan yang berisiko daripada pergerakan kenderaan itu.

(3) Mana-mana kenderaan yang digunakan bagi maksud kerja pembinaan, hendaklah dipandu, dikendalikan, ditunda atau dipenuhi syarat dengan cara yang selamat.

(4) Mana-mana orang—

(a) tidak boleh menaiki, dikehendaki atau dibenarkan untuk menaiki, mana-mana kenderaan yang digunakan bagi maksud kerja pembinaan selain di kawasan yang disediakan bagi maksud tersebut; dan

(b) tidak boleh dikehendaki atau dibenarkan berada, di atas mana-mana kenderaan semasa memuat atau memunggah apa-apa benda tercerai melainkan pemuatan atau pemungghahan daripada kenderaan itu dijalankan di tempat yang disediakan dan disenggara bagi maksud itu.

(5) Kontraktor kerja pembinaan hendaklah mengambil langkah-langkah yang sesuai dan mencukupi untuk mencegah mana-mana kenderaan daripada—

(a) jatuh ke dalam mana-mana pengorekan atau lubang, atau ke dalam air; atau

(b) terbabas di pinggir mana-mana benteng atau kerja tanah.

(6) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Pencegahan risiko daripada kebakaran, banjir atau pengasfiksiaan**

31. (1) Kontraktor kerja pembinaan hendaklah mengambil langkah yang sesuai dan mencukupi untuk mencegah, setakat yang boleh dipraktikkan, risiko kecederaan kepada mana-mana orang semasa menjalankan kerja pembinaan yang timbul daripada apa-apa—

(a) kebakaran atau letupan;

(b) banjir; atau

(c) apa-apa bahan yang berkemungkinan menyebabkan pengasfiksiaan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Tatacara kecemasan**

32. (1) Sekiranya perlu, atas kepentingan keselamatan atau kesihatan mana-mana orang di tapak pembinaan, kontraktor kerja pembinaan hendaklah menyediakan, menyenggara dan melaksanakan mana-mana perkiraan yang sesuai dan mencukupi

untuk menguruskan apa-apa kecemasan yang boleh dijangka dan perkiraan itu hendaklah termasuk tatacara bagi apa-apa pengungsian yang perlu bagi tapak atau mana-mana bahagiannya.

(2) Bagi maksud memenuhi subperaturan (1), perkara yang berikut hendaklah diambil kira—

- (a) jenis kerja yang tapak pembinaan itu digunakan;
- (b) ciri dan saiz tapak pembinaan, dan bilangan dan lokasi tempat kerja pembinaan di tapak tersebut;
- (c) loji yang digunakan;
- (d) bilangan orang yang berkemungkinan hadir di tapak pembinaan pada satu-satu masa; dan
- (e) sifat fizikal dan kimia bagi mana-mana bahan atau benda yang berada di, atau yang berkemungkinan berada di, tapak pembinaan.

(3) Jika mana-mana perkiraan di bawah subperaturan (1) dipenuhi, kontraktor kerja pembinaan hendaklah mengambil langkah-langkah yang sesuai dan mencukupi untuk memastikan bahawa—

- (a) setiap orang yang kepadanya perkiraan itu diperluas menjadi terbiasa dengan perkiraan itu; dan
- (b) perkiraan itu diuji dengan dilaksanakan pada sela masa yang sesuai.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Laluan kecemasan dan laluan keluar**

33. (1) Sekiranya perlu, atas kepentingan keselamatan dan kesihatan mana-mana orang di tapak pembinaan, kontraktor kerja pembinaan hendaklah menyediakan bilangan yang mencukupi laluan kecemasan dan laluan keluar yang sesuai untuk membolehkan mana-mana orang untuk sampai ke tempat selamat dengan cepat dalam keadaan berlaku apa-apa bahaya.

(2) Bagi maksud mematuhi kehendak di bawah subperaturan (1), kontraktor kerja pembinaan hendaklah mengambil kira kehendak di bawah subperaturan 32(2).

(3) Mana-mana laluan kecemasan atau laluan keluar hendaklah menghalang terus seboleh yang mungkin ke kawasan selamat yang dikenal pasti dan hendaklah ditandakan dengan tanda yang sesuai.

(4) Mana-mana laluan kecemasan atau laluan keluar dan mana-mana laluan trafik yang memberikan akses kepadanya hendaklah sentiasa dikekalkan jelas dan bebas daripada halangan dan, sekiranya perlu, dilengkapi dengan lampu kecemasan yang boleh digunakan pada bila-bila masa.

(5) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Pengesan kebakaran dan pemadam api**

34. (1) Sekiranya perlu, atas kepentingan keselamatan dan kesihatan mana-mana orang di tapak pembinaan, kontraktor kerja pembinaan hendaklah mengadakan kelengkapan pemadam api dan sistem pengesan kebakaran dan penggera yang sesuai dan mencukupi, dan kelengkapan dan sistem itu hendaklah diadakan dan ditempatkan di tempat yang sesuai dan hendaklah ditandakan dengan tanda yang sesuai.

(2) Bagi maksud memenuhi kehendak di bawah subperaturan (1), kontraktor kerja pembinaan hendaklah mengambil kira kehendak di bawah subperaturan 32(2).

(3) Kelengkapan pemadam api dan sistem pengesan kebakaran dan penggera hendaklah diperiksa dan diuji pada lat-lat tempoh yang sesuai dan disenggara dengan betul oleh kontraktor kerja pembinaan itu.

(4) Apa-apa kelengkapan pemadam api yang tidak direka untuk digunakan secara automatik hendaklah boleh diakses dengan mudah.

(5) Setiap orang yang bekerja di tapak pembinaan hendaklah, setakat yang boleh dipraktikkan, disediakan dan diberi arahan tentang penggunaan yang tepat kelengkapan pemadam api itu.

(6) Sekiranya apa-apa kerja atau aktiviti boleh menimbulkan apa-apa risiko kebakaran tertentu, orang itu tidak boleh menjalankan kerja atau aktiviti melainkan diarahkan secara bersesuaian oleh kontraktor kerja pembinaan.

(7) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Udara segar**

35. (1) Kontraktor kerja pembinaan hendaklah mengambil langkah yang bersesuaian dan mencukupi, setakat yang boleh dipraktikkan, untuk memastikan bahawa setiap tapak pembinaan, atau mana-mana kawasan berhampiran tapak, mempunyai udara yang segar dan bersih untuk memastikan tapak atau kawasan berhampiran itu selamat dan tanpa apa-apa risiko kepada keselamatan atau kesihatan.

(2) Mana-mana loji yang digunakan bagi maksud mengadakan udara yang segar atau bersih sebagaimana yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) hendaklah, sekiranya perlu bagi alasan keselamatan atau kesihatan, memasukkan suatu peranti yang efektif untuk memberikan amaran yang boleh dilihat atau didengar mengenai apa-apa kegagalan loji itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Perlindungan suhu dan cuaca**

36. (1) Kontraktor kerja pembinaan hendaklah mengambil langkah-langkah yang sesuai dan mencukupi, setakat yang boleh dipraktikkan, untuk memastikan bahawa suhu mana-mana tempat tertutup kerja pembinaan dalam mana-mana tapak pembinaan adalah munasabah mengambil kira tujuan tempat itu digunakan.

(2) Jika perlu untuk memastikan keselamatan atau kesihatan mana-mana orang yang bekerja di tempat terbuka di mana-mana kawasan kerja pembinaan dalam mana-mana bahagian tapak pembinaan itu, kontraktor kerja pembinaan hendaklah, setakat yang boleh dipraktikkan, mengatur tapak pembinaan itu bagi melindungi mana-mana orang daripada cuaca buruk, mengambil kira—

(a) tujuan tapak itu digunakan; dan

(b) apa-apa pakaian pelindung atau loji yang disediakan bagi kegunaan mana-mana orang yang bekerja.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Pencahayaan**

37. (1) Kontraktor kerja pembinaan hendaklah mengadakan, setakat yang boleh dipraktikkan, pencahayaan secara cahaya semula jadi yang sesuai dan mencukupi pada setiap tapak pembinaan, mana-mana kawasan berdekatan di sekitar tapak pembinaan dan laluan trafik ke tapak pembinaan.

(2) Warna apa-apa cahaya buatan yang diadakan tidak boleh memudaratkan atau mengubah persepsi apa-apa tanda atau isyarat yang diadakan bagi maksud keselamatan atau kesihatan.

(3) Kontraktor kerja pembinaan hendaklah mengadakan pencahayaan sekunder yang sesuai dan mencukupi di mana-mana tempat yang mungkin terdapat apa-apa risiko kepada keselamatan atau kesihatan seseorang sekiranya berlaku pencahayaan buatan utama gagal.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN V

### PELBAGAI

#### **Pembantu keselamatan dan kesihatan**

38. (1) Mana-mana orang yang memegang apa-apa kewajipan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh melantik orang lain untuk membantunya dalam mengusahakan langkah-langkah yang diperlukan untuk mematuhi kehendak yang dikenakan ke atasnya oleh atau di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Mana-mana orang yang ingin dilantik untuk membantu mana-mana orang yang memegang kewajipan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh menerima pelantikan bagi suatu projek itu melainkan dia mempunyai kemahiran, pengetahuan, latihan dan pengalaman, dan, jika ia sebuah organisasi, keupayaan organisasi, yang perlu untuk memenuhi kewajipan atau fungsi yang organisasi itu dilantik.

(3) Seseorang yang bertanggungjawab untuk melantik orang lain untuk menjalankan apa-apa kewajipan bagi sesuatu projek hendaklah mengambil langkah untuk memuaskan hati mereka bahawa orang yang dilantik itu memenuhi syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (2).

(4) Sekiranya orang yang memegang kewajipan di bawah Peraturan-Peraturan ini melantik lebih daripada seorang bagi maksud subperaturan (1), dia hendaklah membuat perkiraan yang perlu untuk memastikan kerjasama yang cukup antara mereka yang dilantik, sehingga tahap yang perlu untuk membolehkan mana-mana orang dengan kewajipan itu untuk memenuhi kewajipan itu.

(5) Orang yang memegang kewajipan itu hendaklah memastikan bahawa orang yang dilantik di bawah subperaturan (1) mempunyai masa dan cara yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan mereka mengambil kira saiz pengusahaannya, untuk memahami risiko yang terdedah kepada pekerjaannya dan pengagihan risiko tersebut sepanjang menjalankan pengusahaan itu.

(6) Subperaturan 10(5) dan (6) hendaklah terpakai bagi mana-mana orang yang ingin mendapatkan pelantikan di bawah subperaturan (2).

### **Penyelia keselamatan tapak**

39. (1) Kontraktor prinsipal kerja pembinaan hendaklah melantik orang yang kompeten yang merupakan penyelia keselamatan tapak untuk membantunya dalam mematuhi kewajipan yang dikenakan ke atasnya oleh atau di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.



JADUAL PERTAMA  
[Peraturan 3, 11, 12, 15 dan 17]  
PRINSIP AM PENCEGAHAN

1. Mengelakkan risiko
2. Menilai risiko yang tidak boleh dielakkan
3. Mengawal risiko pada puncanya
4. Menyesuaikan kerja dengan individu, terutamanya berkaitan dengan reka bentuk tempat kerja pembinaan, pemilihan loji dan pemilihan cara bekerja dan kaedah pengeluaran, bagi maksud, khususnya untuk mengurangkan kerja yang membosankan dan kerja pada kadar kerja yang ditentukan terlebih dahulu dan untuk mengurangkan kesannya ke atas kesihatan
5. Menyesuaikan dengan kemajuan teknikal
6. Menggantikan suatu yang berbahaya dengan yang tidak berbahaya atau kurang berbahaya
7. Membangunkan dasar pencegahan keseluruhan yang jelas meliputi teknologi, organisasi kerja, penyusunan kerja, hubungan sosial dan faktor pengaruh yang berhubungan dengan persekitaran kerja
8. Memberi keutamaan kepada langkah-langkah perlindungan kolektif berbanding langkah-langkah perlindungan individu
9. Memberikan arahan yang wajar kepada pekerja

## JADUAL KEDUA

[Peraturan 4, 15 dan 17]

## KEPERLUAN MINIMUM KEMUDAHAN KEBAJIKAN TAPAK PEMBINAAN

## A. Kemudahan sanitari

1. Kemudahan sanitari yang sesuai dan mencukupi hendaklah diadakan atau dijadikan tersedia di tempat yang mudah diakses dan sesuai.
2. Bilik yang mengandungi kemudahan sanitari hendaklah dialih udara dan diterangi secukupnya, setakat yang boleh dipraktikkan.
3. Kemudahan sanitari dan bilik yang mengandungi kemudahan itu hendaklah dikekalkan dalam keadaan bersih dan teratur, setakat yang boleh dipraktikkan.
4. Bilik berasingan yang mengandungi kemudahan sanitari hendaklah disediakan bagi lelaki dan wanita, melainkan sekiranya setiap kemudahan berada di dalam bilik berasingan, pintunya hendaklah dapat dikunci dari dalam.

## B. Kemudahan mencuci

1. Kemudahan mencuci yang sesuai dan memadai, termasuk pancuran jika diperlukan oleh sifat kerja atau atas alasan kesihatan, hendaklah, setakat yang boleh dipraktikkan, diadakan atau dijadikan tersedia di tempat yang mudah diakses dan sesuai.
2. Kemudahan mencuci hendaklah disediakan—
  - (a) di sekitar berdekatan tiap-tiap kemudahan sanitari, sama ada disediakan di tempat lain atau tidak; dan
  - (b) di sekitar mana-mana bilik persalinan yang diperlukan di bawah perenggan D, sama ada disediakan di tempat lain atau tidak.
3. Kemudahan mencuci hendaklah merangkumi—
  - (a) bekalan air yang bersih dan yang mengalir, setakat yang boleh dipraktikkan;
  - (b) sabun atau bahan pencucian lain yang sesuai; dan

(c) tuala atau alat pengeringan lain yang sesuai.

4. Bilik yang mengandungi kemudahan mencuci hendaklah dialih udara dan diterangi secukupnya.
5. Kemudahan mencuci dan bilik yang mengandungi kemudahan itu hendaklah dikekalkan bersih dan dalam keadaan tersusun.
6. Kemudahan mencuci berasingan hendaklah disediakan bagi lelaki dan wanita, melainkan sekiranya ia disediakan di dalam bilik yang pintunya dapat dikunci dari dalam dan kemudahan di dalam setiap bilik dirancang untuk digunakan oleh satu orang sahaja dalam satu-satu masa, melainkan kemudahan yang disediakan untuk mencuci tangan, lengan bawah dan muka sahaja.

#### C. Air minum

1. Bekalan air minum yang mencukupi hendaklah diadakan atau dijadikan tersedia di tempat yang mudah diakses dan sesuai dengan bilangan cawan atau bekas minuman lain yang mencukupi, melainkan jika bekalan itu berada dalam jet di mana orang boleh minum secara terus.
2. Sekiranya perlu atas alasan keselamatan atau kesihatan, setiap bekalan air minum hendaklah ditanda dengan jelas dengan tanda yang wajar.

#### D. Bilik dan loker persalinan

1. Bilik persalinan yang sesuai dan mencukupi hendaklah diadakan atau dijadikan tersedia di tempat yang mudah diakses jika pekerja perlu memakai pakaian khas bagi maksud kerja pembinaan itu dan atas alasan kesihatan atau kesopanan, tidak dijangka untuk menyalin pakaian itu di tempat lain.
2. Sekiranya perlu atas alasan kesopanan, hendaklah ada bilik persalinan yang berasingan, atau penggunaan bilik yang berasingan, bagi lelaki dan wanita.
3. Bilik persalinan hendaklah—  
(a) disediakan dengan tempat duduk; dan

- (b) termasuk, sekiranya perlu, kemudahan untuk membolehkan seseorang mengeringkan apa-apa pakaian khas dan apa-apa pakaian atau barangan peribadi.
4. Kemudahan yang sesuai dan mencukupi hendaklah, sekiranya perlu, diadakan atau dijadikan tersedia di tempat yang mudah diakses untuk membolehkan mana-mana orang untuk menyimpan—
- (a) apa-apa pakaian khas yang tidak dibawa pulang;
  - (b) pakaian mereka sendiri yang tidak dipakai semasa waktu bekerja; dan
  - (c) barangan peribadi mereka.

E. Kemudahan untuk berehat

1. Bilik atau ruang rehat yang sesuai dan mencukupi hendaklah diadakan atau dijadikan tersedia di tempat yang mudah diakses.
2. Bilik rehat dan ruang rehat—
  - (a) hendaklah dilengkapi bilangan meja yang cukup dan tempat duduk dengan penyandar yang mencukupi bagi bilangan orang yang bekerja yang mungkin menggunakannya pada satu-satu masa;
  - (b) sekiranya perlu, hendaklah termasuk kemudahan yang sesuai bagi mana-mana wanita bekerja yang hamil atau yang menyusukan anak untuk berbaring;
  - (c) hendaklah termasuk perkiraan-perkiraan yang sesuai untuk memastikan makanan boleh disediakan dan dimakan;
  - (d) hendaklah termasuk perkakas untuk memasak air; dan
  - (e) hendaklah dikekalkan pada suhu yang wajar.

F. Tempat ibadat

Sekiranya perlu, bilik atau ruang ibadat yang sesuai hendaklah diadakan atau dijadikan tersedia di tempat yang mudah diakses.

JADUAL KETIGA

[Peraturan 8]

BUTIRAN YANG PERLU DIBERITAHU DI BAWAH PERATURAN 8

1. Tarikh penghantaran notis
2. Alamat tapak pembinaan atau perihal tepat tentang lokasinya
3. Nama pihak berkuasa tempatan bagi lokasi tapak pembinaan itu
4. Perihal ringkas tentang projek dan kerja pembinaan yang berkaitan
5. Nama, alamat, nombor telefon dan, jika ada, alamat e-mel klien
6. Nama, alamat, nombor telefon dan, jika ada, alamat e-mel pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan
7. Nama, alamat, nombor telefon dan, jika ada, alamat e-mel kontraktor prinsipal kerja pembinaan
8. Tarikh yang dirancang untuk memulakan fasa pembinaan
9. Masa yang diperuntukkan oleh klien di bawah perenggan 4(1)(a) bagi kerja pembinaan
10. Tempoh yang dirancang bagi fasa pembinaan
11. Anggaran bilangan maksimum orang yang bekerja di tapak pembinaan
12. Bilangan kontraktor kerja pembinaan yang dirancang berada di tapak pembinaan
13. Nama dan alamat kontraktor kerja pembinaan yang telah dilantik
14. Nama dan alamat pereka bentuk kerja pembinaan yang telah dilantik
15. Pengisytiharan yang ditandatangani oleh atau bagi pihak klien bahawa klien tahu kewajipan klien di bawah Peraturan-Peraturan ini

JADUAL KEEMPAT  
[Peraturan 13]  
KERJA YANG MELIBATKAN RISIKO TERTENTU

1. Kerja yang meletakkan pekerja pada risiko tertimbus di bawah runtuh tanah, tenggelam di dalam tanah paya atau jatuh dari tempat tinggi, khususnya yang risiko tersebut diburukkan lagi oleh sifat kerja atau proses yang digunakan atau oleh persekitaran tempat kerja pembinaan atau tapak pembinaan
2. Kerja yang meletakkan pekerja pada risiko daripada bahan kimia atau bahan biologi yang membentuk bahaya khusus kepada kesihatan atau keselamatan pekerja atau melibatkan keperluan undang-undang untuk pemantauan kesihatan
3. Bekerja dengan radiasi pengionan yang memerlukan penetapan kawasan terkawal atau terselia
4. Bekerja berhampiran dengan talian kuasa voltan tinggi
5. Kerja yang mendedahkan pekerja kepada risiko lemas
6. Bekerja di telaga, kerja tanah bawah tanah dan terowong
7. Kerja yang dijalankan oleh penyelam yang mempunyai sistem bekalan udara
8. Kerja yang dijalankan oleh pekerja di dalam kaisan dengan atmosfera udara termampat
9. Kerja yang melibatkan penggunaan bahan letupan
10. Kerja yang melibatkan pemasangan atau perombakan komponen hebat yang dibentuk terlebih dahulu

Dibuat 30 Mei 2024  
[KSM/PUU/T/01/02/01 Jld. 5; PN(PU2)541/JLD.14]

SIM CHEE KEONG  
*Menteri Sumber  
Manusia*